

JAWAB SEMUA SOALAN


1. Berikut adalah prinsip inventif bagi kaedah pemisahan masa.

A	Pengembangan terma
B	Tindakan keterlaluan
C	Kedinamikan

Padankan prinsip itu dengan penerangan konsep yang betul dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada ruang yang disediakan.

- (a) Memecahkan satu objek kepada bahagian kecil yang boleh bergerak
- (b) Jika tindakan tidak terhasil, lakukan tindakan yang sama tetapi secara berlebihan
- (c) Menggunakan prinsip pengembangan atau pengecutan terhadap sesuatu bahan

2. Namakan kaedah pembuatan yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu produk.

		
(a)	(b)	(c)

3. Namakan gear dengan fungsi gear yang betul.

- (a) Digunakan dalam sistem pemacu kereta untuk menukar kelajuan daripada kelajuan rendah kepada kelajuan tinggi
- (b) Digunakan pada mesin untuk mengurangkan kelajuan dan memindahkan tenaga putaran aci pada sudut tertentu
- (c) Digunakan untuk memindahkan tenaga antara aci yang selari

4. Padankan sumber elektrik dengan pernyataan yang betul.

Jana kuasa hidroelektrik	Jenis arus yang mengalir adalah arus terus
Tenaga nuklear	Sumber elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui.
Tenaga elektrik daripada bateri	Sumber elektrik yang akan habis pada masa akan datang

5. Pernyataan di bawah adalah tentang peranti input analog.

A	Penderia jarak (Infrared Distance Sensor)
B	Penderia Cahaya
C	Penderia Suhu


Padankan pernyataan yang betul bagi fungsi peranti input analog dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan

- (a) Berfungsi untuk mengesan suhu dalam julat tertentu.

- (b) Peranti yang peka kepada cahaya

- (c) Mengesan dan membaca ukuran jarak antara penderia dengan objek atau halangan

6. Rajah di bawah menunjukkan contoh reka bentuk akuaponik.



Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul tentang reka bentuk sistem akuaponik ini yang betul.

- (a) Hasil tanaman yang lebih cepat.

- (b) Menggunakan media tanaman seperti hidroton.

- (c) Tanaman terletak terus di atas permukaan air.

- (d) Akar menyerap nutrien organik di dalam air secara langsung.

7. Padankan alatan dan perkakasan dalam proses penyediaan reka bentuk makanan dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada pernyataan yang betul

A	Pisau turning
B	Pisau penyisih
C	Pisau bulan sabit

- (a) Memotong halus herba dan sayuran.

- (b) Membentuk, merapi, dan membuang kulit buahan dan sayuran.

- (c) Memisahkan daging daripada tulangnya.

[3 markah]

8. Rajah di bawah menunjukkan sebuah model 3D.



Berdasarkan rajah tersebut,

(a) Nyatakan teknologi yang digunakan untuk menghasilkan model 3D itu.

(b) Alatan yang digunakan untuk menghasilkan model itu.

(c) Dua jenis bahan yang digunakan untuk menghasilkan model itu.

i. _____

ii. _____

(d) Dua tujuan model 3D dihasilkan.

i. _____

ii. _____

(e) Dua kaedah lain yang boleh digunakan untuk menghasilkan model 3D.

i. _____

ii. _____

9. Rajah di bawah menunjukkan sebuah gajet mekanikal.



Berdasarkan rajah tersebut,

- (a) Bincangkan langkah-langkah untuk membina gajet itu.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____
- vi. _____

Kemasan	Penghasilan komponen
Pengujian	Menyediakan komponen-komponen pembinaan
Pemasangan komponen	Membuat lakaran ceraian sistem dan komponen

- (b) Cadangkan dua penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap gajet mekanikal itu.

- i. _____

- ii. _____

- (c) Namakan dua jenis kemasan yang boleh digunakan untuk membuat kemasan pada gajet.

- i. _____
- ii. _____

10. Anda ingin menambah pendapatan dengan menjual produk makanan yang sama tetapi mempunyai masalah dalam mereka bentuk makanan tersebut dan juga kotak pembungkusan yang sesuai.

Berdasarkan pernyataan di atas,

(a) Takrif Reka Bentuk

(b) Takrif Makanan

(c) Takrif Reka Bentuk Makanan

(d) Alatan dan Perkakasan dalam proses penyediaan reka bentuk makanan.

ALATAN MEMOTONG	ALATAN MEMBENTUK & MENGUKIR	ALATAN MENGHIAS	PERKAKASAN

Pisau bergerigi	Ketuhar elektrik	Pisau pelep	Pisau turning
Redai kek	Pisau paring	Penerap	Mesin pengadun
Perisian scoop	Periuk nasi elektrik	Pisau pengupas	Tiub aising